



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS MAKAN MALAM MEMPERKENALKAN PEMAIN
STL MELAKA 2021/2022 DAN
PELANCARAN PIALA KEJOHANAN SEMPENA KEJOHANAN
SEPAK TAKRAW TERTUTUP MELAKA
MEREBUT PIALA SULAIMAN 2022
TARIKH: 18 JANUARI 2022 (SELASA), MASA: 8.30 MALAM
DI LACRISTA HOTEL MELAKA
(WAKIL : YB TUAN VP SHANMUGAM A/L V. PITCHAY)

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

(SALUTASI DI ATAS ROSTRUM)

MUKADIMAH

1. Syukur kepada Tuhan kerana kita semua diberi kesempatan untuk berada dalam satu majlis yang sungguh bermakna buat

peminat sukan sepak takraw khususnya di Negeri Melaka.

2. Terlebih dahulu bagi pihak YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Sepak Takraw Negeri Melaka, di atas kesudian menjemput saya untuk menyempurnakan majlis ini. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama di majlis ini disebabkan mempunyai ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu.

3. Saya sedar bahawa permainan sepak raga atau kini dikenali sebagai sepak takraw merupakan sukan tradisi peninggalan nenek moyang kita. Justeru itu, kita mesti memikul tanggungjawab bersama untuk terus memelihara sukan tradisional ini agar tidak pupus daripada kesinambungan untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

4. Sesungguhnya, saya sangat kagum dengan usaha Persatuan Sepak Takraw Negeri Melaka yang tidak putus-putus mengadakan pelbagai aktiviti pembangunan sukan sepak takraw di Negeri Melaka. Kerajaan Negeri akan sentiasa menghulurkan

apa jua bantuan dan sokongan demi memastikan sukan sepak takraw di Negeri Melaka ini akan terus maju dan jaya pada masa akan datang.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Antara matlamat utama jamuan makan malam ini dianjurkan adalah bagi memperkenalkan pemain-pemain Melaka Titans yang akan menyertai Kejohanan Liga Sepak Takraw (STL) 2021/2022 – Divisyen 1 di Stadium Titiwangsa mulai 1 hingga 6 Februari 2022 nanti. Saya amat berharap agar pemain-pemain Melaka Titans

dapat berjuang habis- habisan demi memastikan pasukan Melaka Titans akan melangkah ke Liga Premier dalam STL 2022 hujung tahun ini nanti.

6. Kejohanan STL ini merupakan satu kejohanan berprestij yang menjadi tumpuan kepada peminat-peminat sukan sepak takraw seluruh negara. Untuk makluman semua, YAB Ketua Menteri sentiasa mengikuti Kejohanan STL Tahun 2020 dan beliau berasa sedikit kecewa apabila pasukan Melaka Titans telah kecundang di peringkat separuh akhir. Beliau menjangkakan pasukan Melaka Titans akan berjaya mara ke peringkat akhir dan seterusnya mara

ke Liga Premier Tahun 2021.

7. Apa pun, ia telah menjadi sejarah yang perlu dijadikan pengalaman bagi pemain-pemain untuk memperbaiki iltizam dan semangat untuk berjaya dengan lebih cemerlang pada tahun ini. Sehubungan dengan itu, saya berharap dalam penyertaan Melaka Titans pada tahun 2021/2022 ini nanti, Melaka Titans akan beraksi dengan cemerlang agar matlamat untuk mara ke Liga Premier dalam STL 2022 mampu tercapai.
8. Saya yakin dan percaya, Melaka Titans akan kembali ke persada

Liga Premier kerana sebelum ini Melaka Titans pernah menghuni Liga Premier. Saya mahu pemain-pemain Melaka Titans berjuang bermati-matian sepanjang STL Liga Divisyen 1 nanti. Ketahuilah bahawa warga Negeri Melaka khususnya peminat-peminat setia Melaka Titans sentiasa memberi sokongan padu kepada anda semua.

9. Walaupun mereka tidak berkesempatan berada di Stadium Titiwangsa, namun mereka sentiasa dan setia berada di depan kaca televisyen menyaksikan anda berjuang. Oleh itu, saya berharap jangan hampakan harapan warga Negeri Melaka.

Sukacita saya ingin maklumkan seandainya Melaka Titans melangkah ke Liga Premier, maka saya akan menyokong penuh hasrat pihak Persatuan Sepak Takraw Malaysia untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai salah satu venue untuk STL 2022 yang akan diadakan pada hujung tahun ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

10. Menyedari bahawa kita ketandusan pemain yang berwibawa untuk mewakili Negeri Melaka kerana kurangnya kejohanan-kejohanan di peringkat negeri, maka saya telah bersetuju untuk

menganjurkan “Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Negeri Melaka Merebut Piala Sulaiman 2022”.

11. Harapan saya semoga lebih ramai lagi pemain- pemain berbakat dan berpotensi akan dapat dicungkil melalui kejohanan ini. Saya yakin dan percaya terdapat ramai pemain dalam kalangan anak watan Negeri Melaka yang berbakat dalam sukan sepak takraw ini. Namun pihak persatuan tidak dapat mengesan bakat dan kewibawaan mereka kerana mereka tidak ada “medan” untuk menonjolkan diri.

12. Oleh yang demikian, dengan adanya kejohanan ini, maka keserlahan bakat dan potensi pemain-pemain ini akan dapat dicungkil oleh pihak persatuan untuk dipilih bagi mewakili Negeri Melaka. Cuma saya menyeru agar pemain-pemain yang dikesan memiliki berbakat dan potensi nanti akan berlapang dada untuk menyumbangkan khidmat bakti mewakili Negeri Melaka dalam kejohanan-kejohanan di peringkat kebangsaan.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

13. Saya difahamkan kejohanan ini hanya tertutup untuk anak watan

kelahiran Negeri Melaka sahaja. Pemain-pemain anak watan kelahiran Negeri Melaka yang kini berada di luar Negeri Melaka juga dialu-alukan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

14. Saya juga berhasrat untuk menganjurkan “Kejohanan Sepak Takraw Terbuka Piala Sulaiman” di masa akan datang di mana pemain-pemain berwibawa dan ternama dari seluruh negara akan berkampung di bumi Negeri Melaka untuk beraksi. Ini merupakan peluang warga Negeri Melaka menyaksikan pertarungan pemain-pemain ternama di peringkat kebangsaan di

depan mata mereka.

15. Sesungguhnya, kejohanan ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri Melaka yang terangkum di dalam Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ 2035), di mana flagship yang ke-8 memfokuskan kepada Melaka Sejahtera iaitu di bawah fokus “Belia dan Sukan” untuk menjadikan rakyat Melaka sihat sejahtera, dengan memperkasa pembangunan Belia dan Sukan untuk kesejahteraan rakyat.

16. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua

penyumbang yang telah ikhlas hati memberi sumbangan kepada Persatuan Sepak Takraw Negeri Melaka untuk menganjurkan “Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Negeri Melaka Merebut Piala Sulaiman 2022”.

17. Akhir kata, bagi pihak YAB Ketua Menteri Melaka, dengan suka citanya, saya melancarkan “Piala Kejohanan” sempena “Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Negeri Melaka Merebut Piala Sulaiman 2022”.

Sekian, terima kasih.